

# Mahathir: Matlamat pengajian mestilah jelas

BE 21 JUN 1977



DATO SERI DR. MAHATHIR

DATO Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menekankan, rancangan pengajian Islam mestilah memberatkan aspek-aspek yang boleh menimbulkan semangat untuk kemajuan dan kebahagiaan di dunia ini.

Katanya lagi, tujuan dan matlamat pengajian serta pendidikan Islam hendaklah diterangkan dengan jelas di dalam rancangan yang akan dilaksanakan itu.

Menurut Dato Seri Dr. Mahathir, ini perlu supaya tidak timbul salahfahaman dan perasangka yang bukan-bukan dari golongan tertentu.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran mengesyorkan demikian ketika merasmikan majlis Muzakarah Pengajian dan Pendidikan Islam, Yayasan Pengajian Tinggi di Malaysia di ITM di sini pagi ini.

Muzakarah selama

## SHAH ALAM, Isnin

tiga hari bertujuan antara lain mengkaji serta menyemak pendidikan Islam yang disampaikan kepada para pelajar di institusi pelajaran tinggi di negara ini dengan tujuan memperbaikinya lagi.

Para wakil dari semua pusat pengajian tinggi seluruh negara mengambil bahagian dalam muzakarah itu.

### Tujuan

Kesemua naib canselor universiti-universiti tempatan hadir di upacara perasmian, juga Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah, Tan Sri Syed Nasir Ismail dan Pengerusi Majlis ITM, Dato' Mansor Othman.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, mengikut ajaran Islam, tujuan dan matlamat dari pengajian dan pendidikan Islam, bukanlah semata-mata untuk memberi maklumat agama kepada pelajar, bahkan untuk membentuk manusia agar menjadi mukmin yang benar dalam ertikata yang sebenar.

Katanya, Islam mahukan umatnya beriman, berilmu dan bekerja untuk kemakmuran dan kebahagiaan di dunia berserta dengan berbuat bakti dan amal saleh untuk penghidupan di hari akhirat.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, pengajian Islam hendaklah dilaksanakan dalam keadaan yang tidak menimbulkan kesusahan, kerumitan dan keresahan kepada mana-mana pihak atau golongan yang berkenaan.

Katanya, penyampaian juga biarlah dalam lingkungan yang rasional dan munasabah dan berperingkat seperti yang dianjurkan oleh Rasulullah S.A.W.

Beliau juga menegaskan, "soal pentingnya pengajian dan pendidikan Islam adalah satu perkara yang tidak lagi dipertikaikan. Tetapi yang menjadi masalah sekarang ialah kesatuan faham dan kebuletan pendapat tentang cara pelaksanaan secara berkesan."

Katanya, antara per-

kara yang belum diselesaikan lagi ialah bagaimana rancangan pengajian dan pendidikan Islam yang kongkrit dapat disusun dengan rapi serta dapat pula dipraktikkan.

Umat Islam, khususnya para intelek, masih belum sependapat tentang cara pelaksanaan penyampaian ajaran Islam yang progresif dan dinamis dapat dilakukan dalam usaha mencapai matlamat dari pendidikan Islam di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini.

### Rumusan

Dato Seri Dr. Mahathir berharap, muzakarah yang bersejarah itu dapat mengemukakan beberapa rumusan yang dapat dipraktikkan segera dalam usaha mencapai matlamat tersebut.

Katanya, masyarakat Islam akan merasa hampa dan dukacita sekiranya ketetapan-ketetapan yang diambil dari perbincangan muzakarah nanti hanya merupakan sebagai rumusan yang menjadi hiasan ker-taskerja sahaja tanpa disusuli oleh pelaksanaan yang sewajarnya.